

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Khamis, 12 November 2020 3:48 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM DAN UNIVERSITI DI RUSIA JALIN KOLABORASI ANTARABANGSA DALAM BIDANG SAINS TEKNOLOGI




UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

12 NOVEMBER 2020 / 26 RABIULAWAL 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar Oleh: Shamsaimi Ezil

UUM DAN UNIVERSITI DI RUSIA JALIN KOLABORASI ANTARABANGSA DALAM BIDANG SAINS TEKNOLOGI



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) terus melangkah maju ke hadapan mengambil peluang menjalinkan hubungan strategik dengan Siberian Federal University, Rusia.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, peluang mengadakan perbincangan bersama secara atas talian itu membuka ruang dan peluang kepada UUM untuk mengadakan kolaborasi antara dua negara.

Menurutnya, pada sesi itu, beliau bersama wakil dari Siberian Federal University berbincang tentang hubungan dua hala dalam menjana kecemerlangan pendidikan pada masa hadapan.

“Usaha ini selaras dengan agenda universiti untuk menubuhkan Pusat Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), justeru kita mencari rakan kongsi yang mempunyai latar belakang teknologi seperti Rusia yang merupakan antara negara yang memfokuskan sains dan teknologi,” katanya.

Perbincangan yang diadakan menerusi Webex itu disertai wakil Siberian Federal University iaitu Ruslan Baryshev, Anna Mezit, Vladimir Kazakov, Inga Byteva, dan Alena Sukhanovskaia. Pegawai dari Russia Trade Federation, Kuala Lumpur, Encik Nikita Ponomarenko turut menyertai perbincangan ini. Cadangan kerjasama dengan SibFU adalah hasil perbincangan awal UUM dengan beliau.

Dalam pertemuan itu juga, kedua pihak saling bertukar idea dan pandangan melibatkan isu pendidikan antara Malaysia dan Rusia serta meneroka potensi yang ada dalam pelbagai aspek.

Antara yang dibincangkan termasuklah menjemput pensyarah untuk mengajar secara atas talian (invited lecturers), penyelidikan, mobiliti pelajar, pembelajaran secara online dan ijazah berganda 'double degree'.

Turut serta, Yang Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim; Penolong Naib Canselor, UUM CAS, Prof. Dr. Huda Hj. Ibrahim dan Pengarah Pusat Hal Ehwal dan Hubungan Antarabangsa (CIAC), Prof. Madya Dr. Badariah Hj. Din.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.